

Sumber manusia rahsia kejayaan sebuah negara — Dr. M

Um- 2/12/2014: 2.

DQHA (Qatar) 1 Dis. — Rahsia kejayaan bagi mana-mana negara ialah pada sumber manusianya, kata bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamed kepada saluran berita kabel *Al Jazeera* lewat petang semalam.

“Labur dalam pendidikan, latihan dan pembangunan sumber manusia; hantar orang ke luar negara untuk belajar kemahiran baru, dan belajar mengendalikan perubahan,” katanya kepada pengacara/penerbit Ahmed Mansour semasa rakaman temu bual yang akan disiarkan hari ini dalam program berita rangkaian itu *Without Borders*.

“Yakin pada rakyat...yakinkan mereka bahawa mereka boleh lakukan apa sahaja dan mereka melakukannya untuk diri mereka sendiri, dan (mengikut) Islam...tukar nilai sistem dengan iltizam politik,” katanya semasa menjawab satu soalan mengenai bagaimana pemimpin-pemimpin Arab

boleh meneladani kisah kejayaan Malaysia.

Dunia Arab kaya dengan sumber asli dan rakyat yang bijak pandai, namun banyak daripada mereka berhijrah ke luar negara kerana keadaan yang tidak kondusif di tanah air sendiri, kata negarawan itu.

“Anda hanya perlukan satu hala tuju,” katanya dan menjelaskan pemimpin-pemimpin Arab perlu berhenti daripada hidup dengan kegemilangan masa lepas dan sebaliknya memikirkan keadaan semasa dan masa depan serta ‘melakukan perkara yang betul’.

Terkejut

Ditanya mengenai masa yang diperlukan untuk mendapatkan hasil yang ketara, Dr. Mahathir mengaku yang beliau sendiri terkejut dengan kejayaan Malaysia bertukar daripada masyarakat berasaskan pertanian kepada perindustrian dalam masa hanya lebih satu dekad.

“Perjalanan beribu batu bermula dengan langkah pertama,” katanya.

Ketika ditanya mengenai peningkatan rasa tidak puas hati berikutan semakin ramai orang yang berpendidikan dan mula mempersoalkan atau mengkritik, Dr. Mahathir berkata: “Sebahagian besar orang bersedia mendengar alasan. Saya boleh berjalan di sekitar Kuala Lumpur tanpa pengawal kerana rakyat tahu saya cuba melakukan yang terbaik demi negara.”

Beliau juga mendedahkan yang beliau pernah memberitahu pemimpin Palestin Allahyarham Yasser Arafat 10 tahun lepas yang pemimpin itu mungkin tidak sempat menyaksikan perjuangannya yang sekian lama untuk rakyat Palestin berakhir.

Di seluruh dunia Arab, “rakyat hanya bertindak, melepaskan kemarahan mereka...tanpa wawasan bagi kejayaan. Mereka perlu berhenti sejenak dan menilainya...dan menggariskan

strategi bagi kejayaan, bukan sekadar membalas dendam,” katanya.

Mengkritik ketidakadilan undang-undang baru antisemitik Amerika Syarikat (AS) dan tekanan yang telah disebabkan nya yang telah menjadi punca kepada penahanan dan pembuangan kerja beberapa pemberita Perancis yang membuat kenyataan anti Israel, Mahathir mencadangkan negara-negara berkecuali mengambil tindakan terhadap AS dengan menggubal undang-undang untuk mendakwa AS dan Israel yang mengkritik pihak lain.

“Kebebasan bersuara (yang didukung AS) termasuk membenarkan pihak lain mengkritik anda,” katanya.

Ia merupakan lawatan pertama Dr. Mahathir ke ibu pejabat stesen penyiaran *Al Jazeera* di Doha, walaupun Ahmad Mansour pernah beberapa kali menemu bual beliau bagi *Al Jazeera* di London. — Bernama